

PERSEPSI & KEPERLUAN WANITA SELANGOR 2025



Penafian

Maklumat dalam laporan ini adalah sulit dan hanya ditujukan untuk kegunaan individu atau entiti yang dimaksudkan sahaja. Sebarang pendedahan, penyalinan, pengedaran atau tindakan berdasarkan kandungan laporan ini adalah dilarang sama sekali. Merdeka Center tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan atau peninggalan, mahupun terhadap sebarang hasil yang diperoleh daripada penggunaan laporan ini.

PENGENALAN

Kajian ini dijalankan sebagai satu inisiatif bagi memahami secara menyeluruh persepsi serta keperluan golongan wanita di negeri Selangor menjelang tahun 2025. Fokus kajian ini adalah terhadap pelbagai aspek kehidupan wanita, termasuk isu sosial, ekonomi, kesejahteraan, serta akses kepada maklumat dan peluang yang disediakan oleh kerajaan.

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mendapatkan gambaran menyeluruh tentang cabaran yang dihadapi oleh wanita Selangor dalam kehidupan seharian mereka. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk menilai keberkesanan program-program pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri, khususnya melalui agensi seperti Wanita Berdaya Selangor (WBS). Dengan mengenal pasti isu-isu utama, keperluan sebenar serta tahap kesedaran terhadap dasar sedia ada, dapatan kajian ini diharap dapat menyumbang kepada perancangan dasar yang lebih mesra wanita dan berpaksikan data.

Kajian ini juga memberi ruang kepada golongan wanita untuk menyuarakan pandangan serta cadangan terhadap inisiatif yang wujud, sekaligus memberikan input terus daripada komuniti sasaran kepada pembuat dasar. Secara keseluruhannya, ia adalah usaha penting dalam memastikan pembangunan wanita di Selangor bergerak selari dengan realiti semasa dan kehendak masyarakat.

METODOLOGI KAJIAN

Pelaksanaan kajian ini berlangsung selama sebelas hari, bermula dari 12 Mac hingga 22 Mac 2025. Seramai 707 responden wanita berusia 18 tahun ke atas yang menetap serta mendaftar sebagai pengundi di negeri Selangor telah ditemubual.

Pemilihan responden telah dilaksanakan melalui kaedah pensampelan berstrata secara rawak (stratified structured randomly selected sample), yang mengambil kira pelbagai angkubah seperti kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN), umur, kaum, jantina serta tahap sosioekonomi. Ini bertujuan untuk memastikan sampel yang diperoleh mencerminkan pelbagai lapisan masyarakat wanita di negeri ini.

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini dirangka untuk memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan dapatan. Temu bual dijalankan secara langsung dengan responden melalui panggilan telefon dengan menggunakan soal selidik berstruktur yang disediakan

terlebih dahulu. Soalan-soalan yang digunakan merangkumi pelbagai topik penting seperti penggunaan media sosial, akses kepada internet, keperluan ekonomi, serta tahap kesedaran terhadap program dan dasar kerajaan negeri yang telah dimuktamadkan bersama dengan pihak WBS.

Pendekatan kaedah ini membolehkan pengumpulan data yang kukuh serta relevan, dan seterusnya menganalisis pola dan corak pemikiran serta keperluan wanita berdasarkan pelbagai segmen demografi. Dapatan ini menjadi asas utama dalam rumusan serta cadangan penambahbaikan kepada program dan dasar berkaitan wanita di Selangor.

PENEMUAN UTAMA

Bahagian ini akan menghuraikan corak serta tren yang di temui melalui respons yang dikumpulkan. Sebelum membincangkan hasil kajian, berikut adalah maklumat-maklumat asas responden yang terpilih bagi kajian ini:

1. Profil Responden

Responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada pelbagai latar belakang yang mencerminkan kepelbagaian wanita di negeri Selangor. Seramai 707 orang responden telah ditemu bual, yang mana lebih separuh (52%) responden terdiri daripada wanita Melayu, 32% responden merupakan wanita Cina dan bakinya, 16% responden wanita India.

Seterusnya, 54% merupakan responden wanita berumur 18 tahun hingga 40 tahun dan 46% responden berumur lebih daripada 40 tahun. Daripada kelompok kumpulan umur ini didapati lebih daripada satu per empat (29%) merupakan responden dalam kumpulan umur 31 tahun hingga 40 tahun.

Manakala dari segi sektor pekerjaan, hampir separuh daripada responden, iaitu sebanyak 43%, didapati bekerja di sektor swasta dan satu per empat merupakan surirumah. Di kalangan responden yang telah berkahwin sebahagian besar (63%) pasangan bekerja dalam sektor swasta.

Dapatan melihat majoriti responden (88%) tidak mempunyai pekerjaan sampingan. Dalam kalangan yang menjalankan pekerjaan sampingan, kebanyakannya terlibat dalam

perniagaan atas talian, dengan 36% menjalankan aktiviti tersebut sebagai sumber pendapatan tambahan.

Sementara itu dari sudut pendapatan pula, kebanyakan responden mempunyai pendapatan peribadi dan isi rumah yang berada dalam lingkungan RM2,000 hingga RM5,999. Secara spesifik, 39% responden melaporkan pendapatan peribadi mereka berada dalam julat ini, manakala 43% melaporkan pendapatan isi rumah pada tahap yang sama. Walaupun angka ini menunjukkan kelompok berpendapatan sederhana, masih terdapat cabaran yang dihadapi dalam memenuhi keperluan asas. Sebanyak 35% responden mengakui bahawa kewangan mereka hanya mencukupi untuk membeli makanan dan pakaian, namun masih tidak mampu untuk membeli barangan keperluan yang lebih mahal seperti peralatan elektronik.

Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun wanita Selangor memainkan peranan penting dalam ekonomi keluarga, masih wujud jurang keperluan dan kekangan kewangan yang perlu diberi perhatian. Justeru itu, sebarang usaha memperkasakan wanita wajar mempertimbangkan kedudukan ekonomi mereka agar pendekatan yang diambil lebih inklusif dan berkesan.

2. Akses Digital dan Penggunaan Media Sosial

Dalam era digital masa kini, akses kepada internet dan penggunaan media sosial memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian wanita, termasuk dari aspek komunikasi, perniagaan, pembelajaran, serta capaian kepada maklumat dan perkhidmatan. Justeru kajian melihat tahap penggunaan internet dan media sosial di kalangan wanita. Kajian ini mendapati bahawa majoriti besar responden, iaitu sebanyak 97%, mempunyai akses kepada internet. Akses ini biasanya dilakukan secara mudah alih (*on-the-go*) ketika mereka berada di luar rumah (53%) atau ketika berada di rumah (42%).

Dari segi tempoh penggunaan harian, didapati wanita berumur 30 tahun ke bawah adalah golongan yang paling aktif menggunakan internet, dengan 46% daripada mereka melayari internet antara lima hingga lapan jam setiap hari. Sebaliknya, wanita dalam lingkungan umur 31 hingga 50 tahun lebih cenderung melayari internet kurang daripada empat jam sehari. Kecenderungan untuk menggunakan internet juga kekal signifikan dalam kalangan wanita

berumur 51 hingga 60 tahun (49%) dan mereka yang berumur 60 tahun ke atas (40%), walaupun masa yang dihabiskan lebih singkat, iaitu antara satu hingga empat jam sehari.


3. Aktiviti Atas Talian dan Corak Penggunaan Media Sosial

Penggunaan internet oleh wanita Selangor bukan sahaja terhad kepada komunikasi sosial, malah mencerminkan pelbagai aktiviti dalam talian. Kajian menunjukkan bahawa aktiviti paling popular dalam kalangan responden adalah melayari platform rangkaian sosial (21%) serta berkomunikasi melalui mesej teks (*texting*) atas talian (20%). Namun begitu, aktiviti lain seperti menjual produk dan perkhidmatan (1%), mengakses perkhidmatan kerajaan (1%) dan membuat permohonan pekerjaan atas talian (1%) dilaksanakan oleh peratusan yang sangat kecil. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun tahap celik digital dalam kalangan wanita adalah tinggi, penggunaan teknologi untuk tujuan ekonomi dan perkhidmatan awam masih belum dimaksimumkan.

Selain itu, aktiviti atas talian dilihat sedikit berbeza mengikut etnik dan umur responden. Responden wanita berbangsa Cina dan berumur 60 tahun ke atas dilihat kurang aktif dalam aktiviti perbankan atas talian serta membeli-belah secara digital.

Sementara itu, aplikasi media sosial yang paling banyak digunakan adalah WhatsApp, dengan 74.9% responden menggunakannya secara kerap, diikuti oleh TikTok (36%). Namun begitu hanya 80% yang mempunyai akaun TikTok, berbanding akaun Youtube 95% dan Facebook 88%. (rujuk Rajah 1).

Rajah 1: Penggunaan media sosial



Seterusnya, dari aspek kandungan media, responden lebih cenderung untuk mengikuti kandungan dalam bentuk video pendek seperti Reels, TikTok dan YouTube Shorts (41%). Selain itu, kandungan dalam bentuk gambar dan infografik turut diminati oleh 21% responden. Sebanyak 23% responden juga menyatakan bahawa mereka mempunyai pempengaruh kegemaran di media sosial. Bidang utama yang diikuti adalah berkaitan makanan dan masakan (82%), pendidikan dan motivasi (46%), serta kecantikan dan solekan (35%). Menariknya, pempengaruh Khairul Aming merupakan pempengaruh tertinggi yang diikuti di kalangan semua responden terutama responden Melayu (55%) dan India (31%).

Seiring dengan teknologi, internet juga menjadi sumber utama responden untuk mendapatkan perkembangan semasa di dalam negara dan negeri dengan 54% memilihnya. Namun begitu televisyen masih lagi relevan dengan hampir satu perempat menyatakan ianya sebagai sumber maklumat.

Selain daripada media tadi, kajian juga melihat sekiranya ada pengaruh lain yang boleh mendominasi pandangan responden. Menariknya, sebahagian besar responden (67%)

menyatakan bahawa pandangan mereka tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Bagi segelintir responden yang mengakui menerima pengaruh, kebanyakannya merujuk kepada ahli keluarga (13%) dan rakan-rakan (8%) sebagai sumber pengaruh.

Manakala, maklumat berkaitan program komuniti pula sering diperoleh melalui kumpulan WhatsApp (42%) dan media sosial seperti Facebook dan Instagram (33%).

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa wanita Selangor bukan sahaja aktif dalam ruang digital, malah bergantung kepada platform-platform ini untuk mendapatkan maklumat dan membentuk jaringan sosial. Maka, sebarang inisiatif pemerkasaan wanita perlu memanfaatkan medium digital ini dengan lebih strategik dan inklusif, selaras dengan corak penggunaan semasa tanpa mengenyahkan kaedah tradisional.


4. Isu Keperluan Wanita

Wanita di negeri Selangor berdepan dengan pelbagai isu yang mencerminkan realiti dan cabaran yang berbeza-beza mengikut lokaliti dan latar belakang sosioekonomi. Kajian ini mendedahkan bahawa kebimbangan utama di kalangan sebahagian responden adalah berkaitan dengan keselamatan sosial. Seramai 14% responden menyatakan harapan agar pihak berkuasa memberi perhatian serius terhadap isu ini melalui langkah-langkah seperti peningkatan rondaan polis serta pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan awam.

Tinjauan turut menunjukkan bahawa kebimbangan dan keperluan wanita berbeza mengikut kawasan tempat tinggal mereka. Di kawasan bandar seperti Parlimen Kota Raja, Shah Alam dan Puchong, wanita lebih menumpukan perhatian kepada aspek keselamatan peribadi dan komuniti.

Sebaliknya, di kawasan luar bandar seperti Parlimen Sabak Bernam, keperluan utama yang dikenal pasti lebih menjurus kepada aspek ekonomi. Wanita di kawasan ini lebih menekankan keperluan kepada peluang pekerjaan yang lebih luas serta akses kepada latihan dan sokongan keusahawanan. Hal ini mencerminkan realiti yang dihadapi oleh komuniti luar bandar yang mungkin kurang menikmati limpahan kemajuan ekonomi berbanding kawasan bandar.

Rajah 2: Isu dan keperluan wanita mengikut parlimen dan Zon



Isu-isu ini mencerminkan kepelbagaian cabaran yang dihadapi oleh wanita di Selangor, dan ia tidak boleh diselesaikan melalui pendekatan seragam. Terdapat keperluan untuk memahami konteks tempatan secara lebih mendalam dan mengambil kira faktor geografi, budaya, serta ekonomi dalam merangka sebarang intervensi.

5. Persepsi Terhadap Wanita Berdaya Selangor (WBS) dan Pusat Wanita Berdaya (PWB)

Seterusnya kajian diteruskan dengan melihat tahap kesedaran mereka terhadap agensi seperti Wanita Berdaya Selangor (WBS) dan Pusat Wanita Berdaya (PWB) Selangor.

Wanita Berdaya Selangor (WBS) merupakan sebuah agensi yang ditubuhkan dengan tujuan untuk memperkasa golongan wanita di negeri Selangor melalui pelbagai inisiatif dan program pembangunan. Namun begitu, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesedaran terhadap kewujudan dan fungsi agensi ini masih rendah dalam kalangan wanita Selangor. Secara keseluruhan, sebanyak 81% responden mengakui tidak pernah mendengar atau mengetahui peranan WBS. Keadaan ini menimbulkan persoalan tentang keberkesanan strategi komunikasi dan promosi yang dilaksanakan selama ini. Walau bagaimanapun, penemuan ini sebenarnya selari dengan kajian kami yang lain berkaitan agensi tempatan yang bersifat lokal dimana tahap kesedaran adalah rendah secara umumnya.

Seterusnya, di kalangan 19% responden yang menyedari tentang kewujudan WBS, majoriti daripada mereka memperoleh maklumat tersebut melalui media sosial (45%), diikuti oleh rakan dan ahli keluarga (27%). Ini menunjukkan bahawa penjenamaan dalam talian WBS sudah mula terbina, namun pengenalan secara fizikal di akar umbi melalui aktiviti komuniti masih belum mencukupi. Kekurangan promosi dalam bentuk bersemuka atau program berteraskan komuniti menyebabkan ramai wanita, terutamanya yang tinggal di kawasan luar bandar atau tidak aktif di media sosial, tidak mengetahui kewujudan agensi ini.

Selain itu, tahap kesedaran terhadap program pemerdayaan wanita yang dianjurkan oleh WBS juga berada pada tahap yang rendah. Sebanyak 52% responden tidak mengetahui tentang inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan di bawah WBS. Namun begitu, dalam kalangan responden yang mengetahui, mereka yang berbangsa India (90%) dan yang menetap di luar bandar (55%) menunjukkan tahap kesedaran yang lebih tinggi. Ini mungkin disumbangkan oleh keterlibatan komuniti tertentu dengan program yang lebih terfokus di kawasan mereka.

Persepsi terhadap Pusat Wanita Berdaya (PWB), iaitu pusat setempat di DUN yang diwujudkan sebagai hab aktiviti dan sokongan untuk wanita, juga mencerminkan cabaran yang sama. Sebanyak 72% responden tidak mengetahui tentang kewujudan PWB di kawasan mereka, selari dengan tahap kesedaran terhadap WBS yang rendah. Selain itu, hanya 22% responden menyatakan mereka berpuas hati dengan prestasi PWB, manakala majoriti, iaitu 60%, tidak dapat memberikan penilaian kerana kurangnya pendedahan dan penglibatan secara langsung dengan pusat tersebut.

Dapatan ini menunjukkan wujud keperluan mendesak untuk memperkukuh usaha promosi dan penjenamaan WBS dan PWB secara menyeluruh, bukan sahaja melalui media sosial, tetapi juga melalui pendekatan bersemuka dan penglibatan akar umbi. Tanpa kesedaran terhadap peranan institusi-institusi ini, banyak program dan sumber yang disediakan berisiko untuk tidak dimanfaatkan sepenuhnya oleh wanita yang menjadi sasaran utama.

6. Tahap Penglibatan Program WBS

Penglibatan wanita Selangor dalam program yang dianjurkan oleh Wanita Berdaya Selangor (WBS) masih berada pada tahap yang amat rendah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa hampir keseluruhan responden, iaitu sebanyak 97%, tidak pernah menyertai sebarang program atau inisiatif yang dijalankan oleh WBS dalam tempoh setahun kebelakangan ini. Hanya 3% responden sahaja yang melaporkan pernah menghadiri program WBS, dan kebanyakan daripada mereka menyertainya antara satu hingga dua kali setahun sahaja.


Namun begitu, di kalangan responden yang pernah menyertai program WBS, hampir semua peserta program WBS melaporkan tahap kepuasan yang tinggi terhadap pengalaman mereka, dengan 95% responden menyatakan bahawa mereka berpuas hati dengan kandungan dan pelaksanaan program yang telah mereka ikuti. Antara program yang banyak disertai adalah bengkel kemahiran dan latihan vokasional iaitu sebanyak 31%. Ini menunjukkan bahawa program yang menawarkan nilai praktikal dan peningkatan kemahiran ekonomi cenderung untuk menarik minat wanita.

Apabila kajian bertanya tentang jenis program yang diminati dan ingin disertai, majoriti responden memilih program bertemakan kesihatan dan kesejahteraan wanita (32%), diikuti dengan program keusahawanan dan pembangunan ekonomi (25%). Ini memperlihatkan bahawa kesihatan diri serta peluang menjana pendapatan merupakan keutamaan utama

wanita dalam konteks pembangunan diri dan keluarga. Antara program kesihatan yang paling diminati termasuklah pemeriksaan kesihatan percuma serta rawatan asas, yang telah dinyatakan secara khusus oleh 12.1% responden (rujuk Rajah 3).

Walaupun program WBS dilihat mempunyai potensi untuk memberi manfaat besar kepada wanita Selangor, cabaran utama yang perlu ditangani adalah aspek penyertaan dan keterlibatan komuniti sasaran. Penyertaan yang rendah bukan disebabkan oleh kekurangan minat, tetapi lebih kepada kurangnya maklumat, promosi yang terhad, kekangan masa, dan lokasi program yang mungkin tidak sesuai dengan keadaan responden. Maka, strategi yang lebih inklusif dan bersasar diperlukan untuk memastikan program WBS benar-benar mencapai sasaran dan matlamatnya serta dimanfaatkan oleh wanita di semua lapisan masyarakat.

Rajah 3: Tema dan jenis program yang diminati



7. Pandangan Terhadap Program dan Dasar Kerajaan Negeri

Salah satu objektif utama kajian ini adalah untuk menilai tahap kefahaman dan persepsi wanita Selangor terhadap program serta dasar yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri. Dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi umum terhadap keberkesanan program-program kerajaan adalah sangat baik dan positif, namun tahap pengetahuan terhadap dasar yang dirangka masih rendah dalam kalangan responden.

Sebanyak 38% daripada responden menyatakan bahawa mereka merasakan program-program yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor memberi manfaat secara langsung kepada diri mereka. Persepsi ini paling ketara dalam kalangan responden berbangsa Melayu, tinggal di luar bandar, berpendapatan rendah, warga emas berusia 60 tahun ke atas, serta golongan penjawat awam. Namun begitu, terdapat perbezaan ketara dari sudut etnik apabila lebih separuh daripada responden berbangsa Cina (56%) menyatakan bahawa mereka tidak merasakan manfaat secara langsung daripada program kerajaan negeri.


Kajian mendapati tahap kesedaran terhadap dasar yang diperkenalkan kerajaan juga amat rendah. Hanya 9% responden mengetahui tentang Dasar Wanita Selangor, namun rata-rata responden menyatakan mereka kurang faham atau tidak faham langsung mengenai kandungan dasar tersebut. Malah, lebih membimbangkan, 91% responden tidak mengetahui langsung tentang dasar ini. Keadaan yang sama dapat dilihat bagi Dasar Ekonomi Penjagaan Selangor 2024–2030, yang hanya diketahui oleh 15% responden. Ini mencerminkan jurang maklumat yang besar dan menunjukkan bahawa tahap komunikasi dasar belum lagi mencapai majoriti wanita di peringkat akar umbi.

Walaupun tahap kesedaran terhadap dasar kerajaan masih rendah, namun tahap kepuasan terhadap pelaksanaan program kebajikan lebih memberangsangkan. Didapati, sebanyak 70% responden menyatakan mereka berpuas hati dengan inisiatif **Iltizam Anak Istimewa Selangor (ANIS)** dan **Iltizam Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (IMPAK)**. Program **Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS)** juga menerima tahap kepuasan tinggi, dengan hampir 70% responden memberikan maklum balas positif.

Sementara itu, program **Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS)** turut menerima penilaian positif dengan kadar kepuasan sebanyak 64%. Manakala **Program Insentif MamaKerja**, yang bertujuan menyokong ibu bekerja, mendapat kadar kepuasan sebanyak 60%. Namun begitu,

kedua-dua program ini dilihat masih kurang mendapat pendedahan memandangkan hampir satu pertiga daripada responden tidak dapat memberikan sebarang penilaian – satu petunjuk bahawa ramai dalam kalangan wanita Selangor masih tidak mengetahui secara terperinci mengenai program yang disediakan.

Rajah 4: Penilaian program-program kerajaan negeri



Selain penilaian terhadap program dan dasar, kajian ini turut meninjau tahap penglibatan dalam aktiviti sukarelawan. Hanya 15% responden menyatakan mereka pernah terlibat dalam aktiviti sukarela dalam tempoh enam bulan kebelakangan dari tempoh kajian dijalankan. Bagi yang terlibat, kebanyakan mereka mengambil bahagian dalam aktiviti gotong-royong dan kerja pembersihan kawasan kejiranan (46%). Ini menunjukkan ruang yang besar untuk meningkatkan budaya sukarelawan wanita melalui sokongan berstruktur dan galakan berterusan.

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa walaupun program-program kerajaan negeri diterima baik dalam kalangan mereka yang menyertainya, wujud keperluan mendesak untuk memperluaskan capaian maklumat dasar serta strategi komunikasi agar lebih ramai wanita mendapat manfaat. Penekanan kepada pendekatan bersasar mengikut kaum, lokasi dan latar ekonomi adalah penting bagi memastikan setiap wanita di Selangor benar-benar merasa dilibatkan dalam agenda pembangunan negeri

KESIMPULAN

Daripada dapatan kajian yang telah dijalankan dapat disimpulkan bahawa internet melalui media sosial menjadi medium utama responden wanita dalam mendapatkan maklumat semasa dan maklumat aktiviti tempatan yang mana seiring dengan perkembangan teknologi maklumat semasa.

Selain itu, kajian melihat tahap kesedaran terhadap agensi seperti WBS dan PWB adalah sangat rendah. Ini menyebabkan sebilangan besar tidak dapat menilai prestasi agensi-agensi ini.

Justeru itu, penglibatan dan pengalaman responden terhadap program yang dianjurkan oleh pihak WBS juga sangat rendah. Namun ianya tidak perlu dilihat sebagai suatu perkara yang negatif memandangkan ianya merupakan program yang bersifat lokal. Justeru itu, responden yang ditemubual mungkin terkeluar daripada komuniti program tersebut.

Walau bagaimanapun, kajian mendapati sebilangan besar menunjukkan minat dan kecenderungan untuk menyertai program anjuran WBS di masa akan datang. Terdapat tiga tema utama yang menarik minat wanita Selangor iaitu program kesihatan dan kesejahteraan wanita, program keusahawanan dan pembangunan ekonomi dan program pendidikan dan latihan kemahiran yang mana boleh dijadikan asas untuk menentukan program akan datang.

Kajian juga melihat responden memberikan cadangan penambahbaikan terhadap WBS dengan cara memperluaskan promosi dan maklumat. Ini seiring dengan cadangan menggunakan media sosial sebagai medium hebahan.

CADANGAN

Bagi meningkatkan capaian dan tahap pengetahuan wanita Selangor terhadap WBS dan program anjurannya. Pihak kami mencadangkan beberapa perkara berdasarkan segmen berikut:

1. Medium Media

Tingkatkan Kesedaran dan Penjenamaan WBS

Bagi meningkatkan kesedaran dan menjenamakan kembali WBS dengan melaksanakan kempen melalui pelbagai saluran media terutamanya media sosial. Namun, medium TV tempatan, radio, dan papan iklan komuniti tidak boleh di ketepikan kerana ia masih lagi signifikan dan relevan bagi sesetengah kelompok umur. Juga pihak WBS boleh mengetengahkan influencer wanita untuk pempromosian secara digital.

Kepelbagaian Kandungan Media Sosial

Selain itu, pihak WBS boleh menyesuaikan perkongsian kandungan media sosial dengan data lokasi dan geografi audiens. Ini membolehkan jaringan peserta boleh diperluaskan lagi. Disamping itu, mempelbagaikan isi kandungan media sosial berbentuk santai dan ilmiah. Namun begitu, perkongsian maklumat dan Program WBS perlu dilakukan secara berkala agar maklumat tersebut tidak dilupakan oleh audiens.

Inspirasi Wanita WBS

Pihak WBS juga perlu memaparkan kandungan media yang menyokong program latihan oleh WBS. Juga penceritaan impak wanita yang berjaya hasil daripada program atau latihan tersebut. Ini adalah untuk menarik minat pengguna media untuk melanggan media sosial atau media rasmi WBS atau agensi dibawahnya seperti PWB.

2. Publisiti

Pendekatan Akar Umbi

Kerjasama di antara pemimpin tempatan, KRT dan dan NGO wanita perlu dilakukan bagi memperkenalkan WBS dan PWB secara fizikal di akar umbi menerusi penglibatan dalam acara komuniti. Selain itu, pusat komuniti turut dijadikan sebagai sebagai medium penyampaian maklumat secara berkala.

Sukarelawan & Rakan WBS

Pembentukan Rakan WBS sebagai platform wanita aktif untuk menyumbang idea, masa dan kepakaran di kawasan masing-masing. Juga kolaborasi dan kerjasama di antara WBS bersama NGO, kelab dan persatuan pelajar di universiti untuk mewujudkan penjenamaan WBS dalam aktiviti kesukarelawan.

Selain itu, penyediaan insentif sokongan dalam bentuk elaun pengangkutan serta penghargaan kepada sukarelawan aktif dapat meningkatkan minat dan tarikan masyarakat untuk menyertai aktiviti sukarelawan.

3. Program

Penjadualan Program Mesra Wanita

Penjadualan semula program hendaklah dilakukan seperti memperbanyakkan program WBS di kawasan luar bandar dan sub-urban yang mempunyai kurang akses. Di samping itu, penjadualan semula program mengikut kesesuaian masa wanita bekerja dan suri rumah seperti ketika hujung minggu dan pada waktu malam.

Selain itu, mewujudkan sistem tapisan bagi mengelakkan penyertaan berulang dan sistem kuota bagi penglibatan individu daripada parti bagi mengelakkan program dimonopoli oleh individu parti dan menimbulkan stigma kepartian terhadap program yang dianjurkan WBS.

Tumpuan Program Berdasarkan Permintaan

Memberikan pemfokusan aspek berbeza seperti pemeriksaan kesihatan, penyakit berbahaya bagi wanita serta perkongsian pengurusan kesejahteraan mental. Seterusnya menawarkan sijil rasmi untuk latihan kemahiran supaya wanita dapat menambahbaik prospek kerjaya atau perniagaan

Program Khusus Kepada Wanita Yang Mempunyai Anak Kecil

Dapatan daripada kajian yang dilakukan oleh kami sebelum ini memperlihatkan wujud keperluan program keibubapaan di kalangan Wanita yang mempunyai **anak bawah 6 tahun**. Antara program-program yang mendapat permintaan adalah seperti berikut:

- Pendidikan awal kanak-kanak (15%)
- Pengurusan emosi dan stress (14%)
- Komunikasi awal kanak-kanak (11%)
- Kesihatan kanak-kanak (10%)
- Keselamatan kanak-kanak (9%)
- Pemakanan (5%)
- *Digital parenting* (5%)
- Tumbesaran fizikal kanak-kanak (1%)

Wanita Berdaya Selangor (WBS) ialah agensi di bawah Kerajaan Negeri Selangor yang berperanan memperkasa wanita melalui program pembangunan sosial, ekonomi, pendidikan dan kepimpinan. WBS beriltizam untuk meningkatkan kualiti hidup wanita Selangor melalui latihan, bimbingan keusahawanan, advokasi hak wanita, serta sokongan kesejahteraan keluarga. Dengan kerjasama strategik bersama pelbagai pihak, WBS berusaha membentuk wanita yang berdaya tahan, berwibawa dan berperanan aktif dalam pembangunan negeri.

Wanita berdaya Selangor (WBS)

IDCC Ideal Convention Centre Shah Alam Ground Floor, Jalan Pahat L 15/L, Section 15, 40200 Shah Alam, Selangor.

Tel: +603-55454879

Emel: admin@wbsselangor.com.my

Laman web: <https://wbsselangor.org.my>

Merdeka Center merupakan sebuah syarikat yang menjalankan kajiselidik pendapat awam serta analisis sosio-ekonomi dan isu-isu semasa sejak tahun 2001.

Merdeka Strategic Development Centre

2nd Floor, Wisma IEM, 21, Jalan Selangor, Pjs 6, 46000 Petaling Jaya, Selangor

Tel: +603-7932 2756

Emel: info@merdeka.org

Laman web: www.merdeka.org